

PELAJARAN 3 : IBADAH MENURUT ISLAM
BAHAGIAN A (20 MARKAH)
Untuk
*kegunaan
Pemeriksa*
Soalan 1 hingga Soalan 4 (Isi tempat kosong)

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Untuk
*kegunaan
Pemeriksa*

1

1. Ibadah ialah _____ kepada Allah SWT melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati yang ikhlas semata-mata kepada-Nya berlandaskan syariat Allah SWT..

1

2. Ibadah yang diwajibkan sekali dalam seumur hidup ke atas setiap muslim yang mencukupi syarat-syaratnya ialah _____.

1

3. Pelaksanaan ibadah tanpa _____ tidak mendapat keredaan Allah SWT kerana tidak memenuhi rukun dan syaratnya.

1

4. Melaksanakan ibadah _____ dapat mendatangkan kebaikan kepada orang ramai seperti membuang benda yang berbahaya dari jalanan.

Soalan 5 hingga 8

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.

1

5. Kewajipan individu atas suatu amalan yang dituntut secara tegas oleh syarak ke atas setiap mukalaf.

1

6. Menjadi bukti penyaksian Allah SWT sebagai Pencipta dan Nabi Muhammad SAW sebagai utusan Allah SWT.

1

7. Kelompok yang berhak menerima zakat.

1

8. Ibadah wajib yang bertujuan untuk membantu golongan yang memerlukan seperti dijelaskan dalam al-Quran.

Soalan 9 hingga 12

Tulis jawapan yang betul berdasarkan jadual di bawah;

JENIS IBADAH	PENERANGAN
A	Semua amalan khusus yang disyariatkan oleh Allah SWT sama ada fardu atau sunat.
B	Semua amalan kebaikan yang disyariatkan oleh Allah bagi menghubungkan manusia dalam sesebuah masyarakat demi kebaikan bersama.

 1

9. A ialah _____

 1

10. B ialah _____

 1

11. Contoh A _____

 1

12. Contoh B _____

Soalan 13 - 16

Padankan hikmah dan kepentingan ibadah dalam rajah di bawah;

KEPENTINGAN IBADAH	
13	➤ Mendapatkan sumber pendapatan. ➤ Hidup mulia dan tidak membebankan orang lain.
14	➤ Menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran. ➤ Membangunkan tamadun agama, bangsa dan negara.
15	➤ Meneguhkan hubungan manusia dengan Allah SWT. ➤ Meningkatkan ketakwaan.
16	➤ Mendidik hawa nafsu. ➤ Merasai kesusahan orang miskin.

IBADAH
Solat
Puasa
Belajar
Bekerja

 1

 1

 1

 1

Soalan 17 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul. Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

- | | | | |
|----|--|--------------------------|--------------------------|
| 17 | Ibadah melibatkan segala kegiatan manusia dari segi rohani dan jasmani. | ☐ | ☐ |
| 18 | Melahirkan individu yang taat kepada Allah SWT dan berilmu adalah kesan pelaksanaan ibadah khusus. | ☐ | ☐ |
| 19 | Pelaksanaan ibadah umum akan mengganggu peningkatan ekonomi dan kemajuan negara. | ☐ | ☐ |
| 20 | Beribadah tanpa syariat dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. | ☐ | ☐ |